

Angka Giliran:

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**ZCT 103/3 - Fizik III (Getaran, Gelombang dan Optik)**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua **DUA PULUH LIMA** soalan dari **Bahagian A** dan kesemua **TIGA** soalan dari **Bahagian B**. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

**Angka Giliran:**

**Bahagian A**

1. Dalam gerakan harmonik mudah (ghm), magnitud pecutan ialah:
  - A. konstan
  - B. berkadar langsung dengan anjakan
  - C. berkadar songsang dengan anjakan
  - D. tidak boleh lebih dari graviti

Jawapan: .....

2. Suatu objek mengalami ghm. Di sepanjang tempoh satu kitar:
  - A. berhalaju malar
  - B. amplitud sentiasa berubah
  - C. tempoh sentiasa berubah
  - D. pecutan sentiasa berubah

Jawapan: .....

3. Suatu objek pada hujung suatu spring membuat 20 getaran dalam 10 s. Frekuensi sudutnya ialah:
  - A. 1.57 rad/s
  - B. 2.0 rad/s
  - C. 6.3 rad/s
  - D. 12.6 rad/s

Jawapan: .....

4. Objek yang berayun di hujung satu spring membuat 10 ayunan penuh dalam 1 saat. Tempohnya ialah:
  - A. 1 Hz
  - B. 0.10 s
  - C. 0.1 Hz
  - D. 1 s

Jawapan: .....

5. Frekuensi  $f$  dan frekuensi sudut  $\omega$  dihubungkan oleh:
  - A.  $f = \pi\omega$
  - B.  $f = 2\pi\omega$
  - C.  $f = \omega/\pi$
  - D.  $f = \omega/2\pi$

Jawapan: .....

6. Suatu jasad yang digantung pada spring berayun dengan ghm. Jika amplitud ayunan diganda dua, tempoh akan:

Angka Giliran:

- A. kekal sama  
 B. bertambah dengan faktor  $\sqrt{2}$   
 C. menjadi setengah  
 D. berkurang dengan faktor  $\sqrt{2}$
- Jawapan: .....
7. Anjakan menjadi maksimum bagi ghm apabila:  
 A. pecutan sifar  
 B. halaju maksimum  
 C. halaju sifar  
 D. tenaga kinetik maksimum
- Jawapan: .....
8. Amplitud dan pemalar fasa suatu pengayun ditentukan oleh:  
 A. frekuensi  
 B. frekuensi sudut  
 C. sesaran awal sahaja  
 D. sesaran awal dan halaju awal
- Jawapan: .....
9. Pecutan jasad dalam ghm mendahului halaju dengan:  
 A. 0  
 B.  $\pi/8$  rad  
 C.  $\pi/4$  rad  
 D.  $\pi/2$  rad
- Jawapan: .....
10. Suatu blok 3 kg diletakkan pada hujung suatu spring. Blok tersebut melakukan ghm dengan  $x = 2\cos 50t$ , x dalam meter dan t dalam saat. Pemalar spring ialah:  
 A. 1 N/m  
 B. 100 N/m  
 C. 150 N/m  
 D. 7500 N/m
- Jawapan: .....
11. Hitung amplitud ayunan suatu blok jika jisim  $m = 0.25$  kg, pemalar spring  $k = 200$  N/m dan tenaga sistem ialah 6.0 J.  
 A. 0.06 m  
 B. 0.17 m  
 C. 0.24 m  
 D. 4.9 m
- Jawapan: .....

Angka Giliran:

12. Suatu blok 0.25 kg berayun pada hujung spring dengan pemalar 200 N/m. Jika tenaga sistem ialah 6.0 J, hitung laju maksimum blok.

- A. 0.06 m/s
- B. 0.17 m/s
- C. 0.24 m/s
- D. 6.9 m/s

Jawapan: .....

13. Suatu blok pada hujung suatu spring berayun dengan ghm mempunyai tenaga total 50 J. Apabila anjakan menjadi setengah amplitud, tenaga kinetik ialah:

- A. 0
- B. 12.5 J
- C. 25 J
- D. 37.5 J

Jawapan: .....

14. Suatu sistem jisim-spring berayun dengan amplitud A. Tenaga kinetik akan sama dengan tenaga keupayaan apabila sesaran:

- A. sifar
- B.  $\pm A/4$
- C.  $\pm A/\sqrt{2}$
- D.  $\pm A/2$

Jawapan: .....

15. Bagi ghm terlembab yang manakah memberikan kadar kehilangan terbesar dalam tenaga mekanik? (pemalar spring k, pelembapan b dan jisim m)

- A.  $k = 150 \text{ N/m}$ ,  $m = 50 \text{ g}$ ,  $b = 5 \text{ g/s}$
- B.  $k = 150 \text{ N/m}$ ,  $m = 10 \text{ g}$ ,  $b = 8 \text{ g/s}$
- C.  $k = 200 \text{ N/m}$ ,  $m = 8 \text{ g}$ ,  $b = 6 \text{ g/s}$
- D.  $k = 100 \text{ N/m}$ ,  $m = 2 \text{ g}$ ,  $b = 4 \text{ g/s}$

Jawapan: .....

16. Kedua-dua gelombang bunyi dan gelombang cahaya tidak boleh

- A. dibiaskan
- B. dipantulkan
- C. hasilkan corak inteferen
- D. dikutubkan

Jawapan: .....

Angka Giliran:

17. Anjakan suatu tali diberi oleh

$$y(x,t) = A \sin(kx + \omega t)$$

Laju gelombang ialah:

- A.  $2\pi k/\omega$
- B.  $\omega/k$
- C.  $\omega k$
- D.  $2\pi/k$

Jawapan: .....

18. Anjakan tali diberi oleh

$$y(x,t) = A \sin(kx - \omega t - \phi)$$

Pada  $t = 0$  titik pada  $x = 0$  mempunyai halaju 0 dan anjakan positif. Pemalar fasa  $\phi$  ialah:

- A. 45
- B. 90
- C. 135
- D. 270

Jawapan: .....

19. Suatu gelombang sinus pada tali mempunyai amplitud 2.0 cm dan frekuensi 100 Hz. Laju maksimum gelombang ialah:

- A. 2 m/s
- B. 4 m/s
- C. 6.3 m/s
- D. 13 m/s

Jawapan: .....

20. Tegangan tali yang berketumpatan 0.001 kg/m ialah 0.4 N. Gelombang dengan frekuensi 100 Hz pada tali ini berjarak gelombang:

- A. 0.05 cm
- B. 2.0 cm
- C. 5.0 cm
- D. 20 cm

Jawapan: .....

21. Suatu gelombang tali dipantulkan daripada hujung tetap. Gelombang terpantul mestilah:

- A. sefasa dengan gelombang asal pada hujung tali
- B. 180 beza fasa dengan gelombang asal pada hujung tali
- C. amplitud lebih besar dari gelombang asal
- D. tidak boleh melintang

Jawapan: .....

Angka Giliran:

22. Kenyataan yang manakah paling benar?

- A. Sumber koheren tidak diperlukan untuk hasilkan pinggir interferensi
- B. Atom-atom dalam gas laser hasilkan gelombang cahaya koheren
- C. Dua sumber cahaya koheren mestilah hasilkan pinggir cerah dan gelap.
- D. Cahaya kuning pada lampu jalan adalah koheren

Jawapan: .....

23. Suatu gelombang pegun:

- A. boleh dibentuk dari dua gelombang yang sama yang bergerak dalam arah berlawanan
- B. mestilah melintang
- C. mestilah membujur
- D. jarak nod-nod kurang dari setengah jarak gelombang

Jawapan: .....


24. Halaju gelombang bunyi ditentukan oleh:

- A. amplitudnya
- B. keamatannya
- C. kenyaringannya
- D. medium penghantarnya

Jawapan: .....

25. Rajah menunjukkan suatu sinar melalui kaca dibiaskan pada udara. Laju cahaya dalam udara ialah  $3.0 \times 10^8$  m/s. Laju cahaya dalam kaca ialah:

- A.  $1.5 \times 10^8$  m/s
- B.  $2.0 \times 10^8$  m/s
- C.  $2.2 \times 10^8$  m/s
- D.  $2.5 \times 10^8$  m/s



Jawapan: .....

Angka Giliran:

**Bahagian B**

1. (a) Gerakan harmonik mudah (ghm) dilakukan oleh suatu sistem yang bergetar pada dua satah bertegak lurus

$$x = x_m \cos \omega t \text{ dan } y = y_m \cos(\omega t + \alpha)$$

- (i) Dapatkan persamaan umum bagi gerakan sistem tersebut.
- (ii) Apakah yang berlaku apabila nilai  $\alpha$  ialah  $0, 30^\circ$  dan  $90^\circ$
- (iii) Bagi kes  $\alpha = 90^\circ$ , tentukan arah gerakan sistem.

(60/100)

- (b) Laut mengalami pasang surut yang menyerupai gerakan harmonik mudah. Permukaan laut boleh meningkat ke paras tertinggi dan menurun ke paras terendah. Jarak di antara kedua-dua titik ini ditandakan dengan  $d$ . Tempoh untuk satu kitar pasang surut ialah 12.5 jam. Hitung masa yang diambil untuk air laut jatuh sebanyak  $d/4$  dari titik tertinggi.

(20/100)

- (c) Suatu pengayun ghm terlembab mempunyai jisim  $m = 0.1 \text{ kg}$  yang disambungkan pada spring yang berketinggian  $k = 0.9 \text{ N/m}$ . Jisim tersebut berayun dalam bendalir dengan pekali pelembapan  $b$ . Didapati tenaga purata sistem ini merosot kepada  $e^{-1}$  dari nilai asalnya dalam tempoh 4 saat. Hitung:

- (i) nilai  $Q$  dan
- (ii) nilai  $b$  bagi sistem.

(Anggap frekuensi sudut ayunan bebas  $\omega^0$  hampir sama dengan frekuensi sudut ayunan terlembab  $\omega'$ .)

(20/100)

2. (a) Suatu gelombang sinus berfrekuensi 500 Hz dan laju 350 m/s. Hitung:

- (i) jarak antara dua titik yang berbeza fasa sebanyak  $\pi/3$  rad.
- (ii) beza fasa antara dua anjakan yang berjarak masa 1.00 ms pada titik tertentu.

(20 markah)

Angka Giliran:

- (b) Suatu gelombang sinusoidal bergerak dalam tali dengan laju 40 cm/s. Anjakan partikel tali pada  $x = 10$  cm berubah dengan masa menurut persamaan

$$y = 5.0 \text{ cm} \sin[1.0 - (4.0 \text{ s}^{-1})t]$$

Ketumpatan linear bagi tali ialah 4 g/cm. Hitung:

- (i) Frekuensi gelombang
- (ii) Jarak gelombang
- (iii) Ketegangan dalam tali
- (iv) Tuliskan persamaan umum gelombang sebagai fungsi masa dan posisi

(40 markah)

- (c) Dua gelombang melintang di beri oleh

$$y_1 = 0.005 \cos(\pi x - 4\pi t)$$


$$y_2 = 0.005 \cos(\pi x + 4\pi t)$$

Dengan  $x, y_1, y_2$  dalam meter dan  $t$  dalam saat. Hitung:

- (i) nilai positif  $x$  yang paling kecil yang merupakan nod.
- (ii) masa di mana partikel mempunyai kelajuan sifar (semasa sela  $0 \leq t \leq 0.5$  s dan pada  $x = 0$ ).

(40 markah)

3. (a) Dua kepingan kaca nipis digunakan untuk membina baji udara seperti rajah di bawah.



Indeks biasan kaca bahagian atas dan bahagian bawah ialah  $n_1 = 1.5$  dan  $n_2 = 2.0$  masing-masing. Jalur dicerap dalam cahaya pantulan ( $\lambda = 500$  nm).

- (i) Berapa jalurkah yang akan dilihat?
- (ii) Jika udara digantikan dengan minyak berindeks biasan 1.8 berapa banyak jalur yang akan dilihat.

(30 markah)

Angka Giliran:

- (b) Bincangkan struktur asas binaan interferometer Michelson. Bagaimana ia boleh disesuaikan untuk melihat jalur-jalur bulatan dan lurus?  
(30 markah)
- (c) (i) Jarak antara minimum pertama ( $m_1 = 1$ ) dan minimum kelima ( $m_2 = 5$ ) bagi corak belauan celahan tunggal diberikan 0.35 mm. Tabir berada 40 mm dari celahan dan cahaya berjarak gelombang 550 nm digunakan. Hitung lebar celahan tunggal yang digunakan dan sudut  $\theta$  bagi belauan minimum pertama.  
(20 markah)
- (ii) Suatu parutan belauan dengan lebar 20 mm mempunyai 6000 garis. Hitung sudut-sudut  $\theta$  bagi keamatan maksimum pada tabir jika sinar tuju pada parutan berjarak gelombang 589 nm.  
(20 markah)